

**PENTADBIRAN ADAT KEATAS SISTEM TANAH DI NANING
(MELAKA)**

Oleh

MOHD. DAHLAN BIN HAJI AMAN

Norhalim Hj Ibrahim
Pensyarah
Jabatan Sains Kemasyarakatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor D. E.

**Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi Keperluan
Ijazah Sarjana Muda Sastra**

JABATAN PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1968

K A N D O N G A N

Halaman

PRAKATA

a)	Penghargaan	i
b)	Pengenalan	
	I. Tujuan Kajian	(i) - (ii)
	II. Bidang Kajian	iii
	III. Cara Kajian	(iii) - (vi)

BAB I	<u>Latar belakang</u>	1 - 23
-------	-----------------------	--------

BAB II	<u>Perubahan Dari Impact Tadbiran Kolonial Inggris</u>	
	I. Kedudukan Anak Buah	24 - 46
	II. Ketua Adat	46 - 52
	III. Susunan Keluarga dan Kekeluargaan	52 - 58

BAB III	<u>Sistem Tanah Adat</u>	59 - 70
---------	--------------------------	---------

BAB IV	<u>Tadbiran Adat Keatas Tanah Adat</u>	
	I. Tadbiran Adat dalam bentuk ideal	71 - 92
	II. Tadbiran Adat dalam 'actual-type construct'	92 - 114

BAB V	<u>Penurunan Kuasa Milik Tanah Adat</u>	
	I. Cara Tradisional	115 - 124
	II. Cara Birokrasi	124 - 133

BAB VI	<u>Penutup</u>	
	Kesimpulan dan Ulasan.	134 - 143

Lampiran	I. Alor Gajah Ruling Book	i - iii
	II. Cap. 125 - Customary Tenure	iv - xv
	III. Questionaire	xvi - xx
	IV. Peta	

PENGHARGAAN

Dalam membuat kajian ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang yang sedia memberikan pertolongan, kerja-sama dan bimbingan dan kepada mereka saya ucapkan terima kasih. Teristimewa sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Tuan Syed Husin Ali yang telah menyemak dan memberi pandangan terhadap latehan ini. Bimbingan dan nasehatnya sangat2 di-perhargai.

Ribuan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada orang2 perseorangan di-bawah ini:

Dato Mohd. Shah Said, Orang Kaya Seri Maharaja Merah Penghulu Naning.

Lembaga2 Adat di-Kampong Durian Daun, Ayer Limau dan Solok Duku Masjid Tanah, Melaka.

Pegawai Dawrah, Penolong Pegawai Daerah dan lain2 kaki-tangan Pejabat Dawrah Alor Gajah, Melaka.

Penolong Persuruhjaya Tanah Negeri2 Tanah Melayu, Kuala Lumpur.

Penolong Persuruhjaya Tanah Negeri2 Tanah Melayu, Melaka.

Penghulu Majid bin Sulung.

Tuan Haji Daud bin Dalip, Kedim Anak Melaka Sungai Buluh.

Tuan Haji Putih bin Haji Amin, Imam Kampong Durian Daun (Kampong Tengah).

Tuan Haji Yaakub, bekas Buapak Anak Melaka Limau Purut (Kampong Ayer Limau).

Enche Ejang bin Mahmud, Kedim Anak Melaka Paya Dalam.

Enche Kassim bin Haji Bacik, bekas Sidang dan Buapak Semelenggang (Paduka Tuan).

Enche Joned bin Talib, Sidang Anak Melaka Sungai Buluh (Durian Daun).

Enche Sharif bin Ahmad, Guru Sekolah Menengah Dato Dol Said, Alor Gajah, Melaka.

Juga yang lain2 yang sedikit sebanyak-nya telah menolong saya menghasilkan latehan ini. Kapada semua-nya, saya ucapkan terima kasih banyak.

Mohd. Dahlan Hj. Aman
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

Petaling Jaya
Disember 1968.

PENGENALAN

I. Tujuan Kajian

Community matrilineal sudah banyak di-perkatakan akan tetapi kesemua kajian2 ini di-tumpukan pada community matrilineal dalam Negeri Sembilan. Kajian tentang community matrilineal di-Wilayah Naning khususnya belum ada di-lakukan. Kajian2 yang ada tentang wilayah ini cuma menyentuh tentang perkembangan sejarah wilayah ini dan perkembangan sejarah itu di-kaitkan atau di-hubungkan dengan perkembangan sejarah Negeri Sembilan atau Negeri Melaka. Apatah lagi, jauh sekali mendapat satu kajian yang khusus untuk melihat perkembangan community Wilayah Adat Perpateh Naning dari segi kajibudaya. Barangkali-nya Zainal Kling¹ ada-lah yang ulung2 sekali membuat kajian yang menyentuh sebahagian besar community ini tetapi beliau hanya menyentuh tentang Sistem Penghulu dalam Daerah Alor Gajah Melaka di-dalam mana termasuk 22 buah mukim dalam W Wilayah Adat Perpateh Naning.

Saya tertarik hati sekali untuk melihat perkembangan community ini dari segi kajibudaya. Yang menarik hati saya terutama-nya ia-lah gejala2 adat yang mengawal atau

-
1. Zainal Kling "Sistem Penghulu Di Daerah Alor Gajah Melaka" Latehan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

(ii)

menentukan isi, chorak dan rupa tindakan kekuasaan keatas pelakuan penduduk2 di-dalam wilayah ini. Istimewa sekali perhatian saya tertumpu kepada mechanism adat yang berhubung dengan sistem tanah adat. Bergerak dari hakikat bahwa masharakat sentiasa mengalami perubahan, maka saya mengutarakan satu hipotesis :

Bahawa dalam keadaan pemodanan dan perindustrian sebagai environment yang fundamental dan functional kepada perkembangan ekonomi dan dengan environment yang semakin berubah akibat dari pertembongan dengan pusat2 perubahan, maka semakin lemah-lah mechanism adat dalam pentadbiran keatas sistem tanah adat dalam wilayah ini.

Dalam kajian ini tumpuan di-hadapkan kepada kekuasaan adat tetapi kekuasaan adat ini hanya di-hadkan dalam hubongan-nya dengan pentadbiran keatas Sistem Tanah. Tujuan-nya ia-lah hendak melihat sejauh mana personnel2 adat adat maseh lagi di-akui dan di-terima untok menguruskan pentadbiran tanah dan setakat mana-kah pula personnel2 baru ia itu personnel2 burokrasi telah mengambil alih peranan dan fungsi personnel2 adat. Masharakat ada-lah satu entity yang sentiasa mengalami perubahan, dan di-pandang dari segi dimension "socio-dynamics", maka terdapat-lah unsur2 perlanjutan kekuasaan adat (kekuasaan tradisional) kedalam keadaan

baru di-mana kekuasaan legal merupakan faktor 'dominant' dalam perhubungan dan tindakan sosial.

II. Bidang Kajian

Wilayah Adat Perpateh Naning ada-lah sebuah kawasan yang amat besar. Dari itu saya memadankan kajian ini daripada kajian "microcosm" yang di-tumpukan pada tiga buah kampong ia itu Durian Daun, Solok Ayer Limau dan Solok Duku dalam dua buah Mukim ia itu Masjid Tanah dan Sungai Baru Ulu.

Bidang kajian di-tumpukan kepada kekuasaan adat dalam mentadbir tanah2 adat. Dalam bab ini, saya melihat kekuasaan adat dari dua dimension: dari segi kekuasaan tradisional ia itu mengikut cara yang di-adatkan. Perhatian di-tumpukan kepada peranan dan fungsi personnel2 adat. Satu lagi ia-lah dari segi kekuasaan legal ia itu mengikut cara burokrasi. Perhatian di-tumpukan juga pada personnel2 burokrasi di-peringkat pentadbiran daerah yang terlibat dalam pengurusan tanah.

III. Cara kajian

Kajian ini di-lakukan atas disipline anthropoloji dan socioloji. Tiga cara di-gunakan :

- a) mengadakan temu-duga informal

- b) mengadakan questionnaire
- c) memerhatikan gerak-laku penduduk2
di- peringkat pelakuan dan di-peringkat
pemikiran, idea dan nilai.

a) Temu-duga informal :

Saya dapati mudah sekali menghubungi lembaga2 adat, tua adat dan orang2 kampung untuk bertanya-tanya tentang perjalanan adat dengan pengesanan pada kekuasaan-nya pada tanah adat.

Saya juga menyertai majlis2 masharakat dan budaya yang di-jalankan di-kampung2 terutama-nya sekali nikah-kahwin dan berkampung. Di-masa2 itu-lah saya mendapat kesempatan baik untuk bertanya-tanya tentang adat.

b) Questionnaire :

Saya dapat menyebarkan questionnaire ini kepada lima puluh orang yang di-anggap tergolong dalam tiga katogeri yang berbeda :

- I. Katogeri kuat pada adat
- ii. Katogeri kompromi
- iii. Katogeri yang memberatkan nilai2 pelajaran
dan nilai2 ekonomi kewangan dari nilai2 adat.

Klasifikasi katogeri ini di-dasarkan pada anggapan masharakat dan dalam hal ini, saya merujuk kepada pandangan dan fikiran beberapa orang penduduk kampung, kepada pelakuan orang2 ini dalam aktibiti2 hari2 dan juga pengalaman saya sebagai seorang anak kampung itu.

c) Memerhatikan gerak-laku anggota masharakat di-Peringkat pelakuan dan di-peringkat pemikiran, Idea dan nilai:

Di-sini saya beruntung kerana saya di-lahirkan dan di-besarkan di-Durian Daun. Jadi pelakuan2 anggota2 kampungitu berhubong dengan tindakan adat, dapat-lah di-rumuskan dengan agak senang. Bagaimanapun, perhatian di-beratkan juga kepada perubahan dalam pergerakan sosial yang menjelmakan perubahan dalam sikap dan idioloji hidup persukuan di-kalangan anggota2 masharakat. Saya cuba merumuskan pelakuan2 mereka daripada penyertaan mereka dalam majlis2 adat dan di-samping itu melihat apa-kah tindakan mereka yang membayangkan rupa dan isi "institutional Charter" berhubongan dengan kekuasaan adat.

Saya sendiri berulang alik ke-pejabat daerah

di-Alor Gajah pada hari Isnin, Selasa dan Rabu untok memerhatikan bagaimana permohonan tukar-pindah milik tanah adat di-jalankan. Pada hari2 ini-lah penghulu2 ~~di-jalankan~~ dan sidang2 dapat di-temui di-pejabat ini.

Berhubungan dengan gerak-laku anggota2 masharakat terhadap tanah adat saya membuat pemerhatian dari dua segi :

- (i) pelakuan dari segi 'ideal-type construct' di-mana idea, fikiran dan nilai2 adat di-anggap 'valid' oleh anggota2 masharakat.
- (ii) pelakuan dari segi 'actual-type construct' di-mana di-beratkan 'statistical model' ² yakni yang di-beratkan ia-lah apa yang sebenarnya terjadi.

2. Beattie, J. "Other Cultures, Aims, Methods and Achievements in Social Anthropology", Routledge & Kegan Paul Ltd. ms. 38.

BAB II

PERUBAHAN2 DARI IMPACT TEDBIRAN COLONIAL LANGGERIS

Bab ini akan menumpukan perhatian kepada perubahan2 dalam wilayah Adat Perpatih Naning dari tiga aspek besar:

1. Kedudukan anak buah
2. Ketua adat
3. Susunan keluarga dan kekeluargaan.

1. Kedudukan anak buah;

a. Susunan dalam 'ideal-type construct'

Konsep 'anak buah' dalam Adat Perpatih Naning ialah anggota2 biasa dalam satu2 suku sebagai dibayangkan dalam kunci adat:


Kunci

anak buah pada ibu-bapa (buapak)
ibu-bapa pada tua (lembaga/ketua)
tua pada penghulu
penghulu pada undang
undang pada keadilan "

(Petikan dari kata2 Peng-
hulu Naning)

Kedudukan anak buah iaitu sama ada antara lelaki dengan perempuan, lelaki dengan lelaki atau pun perempuan dengan perempuan ada-lah ditentukan mengikut perhubungan menegak iaitu perhubungan suku dan perhubungan diagonal iaitu perhubungan waris. Perhubungan suku dan perhubungan waris adalah dua jenis perhubungan yang tersendiri yakni konsep suku adalah satu bab tersendiri, sedemikian juga konsep waris. Selain daripada perhubungan menegak dan diagonal, terdapat perhubungan mendatar yang menjalinkan perhubungan sesama suku. Lihat rajah 1

di bawah:-



Rajah 1

Konsep suku menunjukkan sekumpulan anak2 buah kepada mana satu sukukah mereka menjadi ahlinya; yang mana ahli2 sukunya datang dari perkembangan ibunya. Mereka boleh juga menjadi anak buah sesuatu suku dengan kuasa berkedim¹ kepada suku itu. Konsep waris adalah memandang kedudukan anak buah dalam satu2 suku mengikut aliran darah sebelah ayahnya, atau dengan sebarang

-
1. Kuasa Berkedim dilaksanakan dalam adat istiadat dengan mengadakan majlis berkampung (mesyuarat) yang dihadziri oleh Lembaga adat, kedim2, dan buapak. Dalam adat istiadat inilah seseorang luar itu diterima masuk sebagai anggota penuh suku itu. Orang2 yang boleh dikedimkan ialah 1) orang2 Temenggong, 2) lain dari Adat Perpatih, 3) Orang bukan Melayu tetapi mesti dahulu masuk Islam.


jalan yang diharuskan atau diluluskan oleh syaraq bagi seseorang itu menuntut kepada sebarang perkara. (Konsep suku dan waris ini penting sekali dibedakan terutamanya dalam membicarakan bab pesaka dalam Adat Perpatih Naning.

Daripada jalinan tiga jenis perhubungan ini terdapatlah susunan kedudukan anak buah. Dalam susunan 'ideal-type', susun-kedudukan anak buah adalah terbahagi kepada empat jenis:

1. satu suku satu waris
2. satu suku lain waris
3. satu waris lain suku
4. lain suku lain waris

1. Kedudukan sama suku satu waris:

Kedudukan ini menjelmakan perhubungan suku yang sama dan juga perhubungan waris yang sama. Lihat rajah II:




Petunjuk:

AMSB	:	Anak Melaka Sungai Buluh
fa	:	Bapa
mo	:	ibu
— —	:	Perhubungan waris.

Rajah II

A dari suku Tiga Batu menyemenda (berkahwin) dalam suku Anak Melaka Sungai Buluh (B). Anak2 A iaitu Ego adek beradek adalah terkandung dalam suku ibu iaitu suku Anak Melaka Sg. Buluh. Kedudukan Ego adek beradek ialah satu suku satu waris. Ini bermakna, perhubungan Ego adek beradek dengan Ego - mo adalah perhubungan suku dan perhubungan Ego adek beradek dengan Ego-fa adalah perhubungan sama waris.

Lihat rajah LLL di mana A dari suku Tiga Batu menyemenda lagi dalam suku Anak Melaka Sungai Bulu (C):



Petunjuk:


----- : Perhubungan waris

Rajah III

C adalah isteri kedua bagi A dan C juga dari suku isteri

A yang pertama iaitu suku Anak Melaka Sungai Buluh.
Kedudukan Ego I adek beradek dan Ego II adik beradek
adalah satu suku satu waris.

Kedudukan satu suku satu waris boleh timbul
apakala dua orang lelaki adik beradik menyemanda ka
dalam satu suku yang sama. Lihat rajah IV di bawah:



Petunjuk:

— — — — — Perhubungan waris.


Rajah IV

Rajah IV menunjukkan Ego I adik beradik dan Ego II
adik beradik adalah terkandung dalam suku yang sama
iaitu suku Tiga Batu. Mereka juga mempunyai perhubungan
waris yang sama iaitu Ego I adik beradik dan Ego II
adik beradik mempunyai perhubungan datuk sebelah bapa
yang sama. Yang demikian dikatakan Ego I adik beradik

dan Ego II adik beradek dalam kedudukan satu suku satu waris.

2. Kedudukan satu suku lain waris:

Kedudukan ini menjelmakan perhubungan suku yang sama tetapi perhubungan waris yang berlainan. Lihat rajah V.



Petunjuk:


- (i) — : Perhubungan waris
Perhubungan (a) dan perhubungan (b)
menunjukkan dua aliran darah
yang berlainan.
- (ii) fa : bapa; mo : ibu; dr. : anak perempuan
so : anak lelaki.

Rajah V

Dalam rajah V, ditunjukkan perhubungan Ego I - fa dan Ego II - fa adalah dua perhubungan darah yang berlainan. Jadi, Ego I dan Ego II mempunyai perhubungan waris yang berlainan. Ego I dan Ego II adalah dari suku yang sama iaitu suku Tiga Batu, dan mereka menyemenda ke dalam satu suku yang sama; iaitu suku Anak Melaka Paya Dalam. Jadi, kedudukan Ego I - dr dan Ego I - so, dari segi perhubungan suku, adalah sama (satu suku) dengan kedudukan Ego II - dr dan Ego - so tetapi dari segi perhubungan waris, kedudukan mereka sudah berlainan. Kedudukan semacam inilah dikatakan satu suku lain waris.

3. Kedudukan satu waris lain suku:

Kedudukan ini menjelmakan perhubungan suku yang berlainan tetapi perhubungan waris yang sama. Lihat rajah VI di-bawah:



Rajah VI

Petunjuk:

- TB = Suku Tiga Batu
- AMSB = Suku Anak Melaka Sungai Buluh
- AMLP = Suku Anak Melaka Limau Perut
- = Perhubungan waris.

Dalam rajah VII, ditunjukkan A dari suku S menyemenda kedalam suku TB dan suku AMKL. Jadi, kedudukan Ego I adik beradik ialah satu suku satu waris, begitu juga kedudukan Ego II adik beradik. Dalam kedudukan anak buah, perhubungan antara Ego I adik beradik dengan Ego II adik beradik ialah tertakluk dalam kedudukan satu waris lain suku.

4. Kedudukan lain suku lain waris:

Kedudukan ini menjelmakan perhubungan yang berlainan dari segi suku dan waris. Susunan kedudukan ini paling mudah sekali dijelaskan. Lihat kembali rajah VI. Dalam rajah itu, perhubungan antara anak2 Ego I dan anak2 Ego II (dan juga anak2 Ego III) adalah tertakluk dalam kedudukan lain suku lain waris. Perhubungan lelaki dengan perempuan dalam kedudukan anak buah lain suku lain waris inilah yang memungkinkan semenda-menyemenda sah berlaku di sisi adat yang diadatkan dalam perlembagaan Adat Perpatih Naning.

Dari 4 jenis kedudukan anak buah ini terjemalah tiga jenis perhubungan kekeluargaan tradisional yang menjadi asas kepada 'communal labour' atau 'mechanical solidarity' dalam satu2 kampung dalam wilayah Adat Perpatih Naning sebelum kampung2 ini 'berpecahan' yakni

'berpecahan' dalam erti kata 'kampung2 itu tidak lagi merupakan satu2 kawasan suku yang tertentu'. Tiga jenis perhubungan ini terjelma bila ada 'function'² sosial seperti nikah-kahwin, kenduri-kendara dan juga bila ada aktibiti2 ekonomi seperti menanam padi, memotong padi dan lain2 lagi. Tiga jenis perhubungan tradisional yang menjadi asas 'communal labour' ialah perhubungan mendatar, perhubungan menegak dan perhubungan daigonal. Dalam 'structural terms', penjelmaan perhubungan2 ini menunjukkan bahwa susunan kedudukan anak buah adalah dalam keadaan utuh dan functional kepada struktur kekeluargaan tradisional yang merupakan bukan saja sebagai satu yunit sosial bahkan juga sebagai satu yunit ekonomi. Dari segi sosial, perhubungan2 ini meletakkan anak buah di bawah kuasa lembaga adat dan dari segi ekonomi, perhubungan ini memelihara struktur keluarga besar yang berfungsi sebagai satu 'economic asset' dalam pengeluaran terutamanya, dan dalam penggunaan 'amnya. Mengikut keterangan yang diberikan oleh Penghulu Naning dan juga orang tua2 yang ditemui, sebelum wilayah Naning termasuk ke dalam pemerentahan Inggeris dalam tahun 1832, sesebuah kampung dalam Wilayah Naning merupakan satu kawasan suku, dan perhakwinan di-lakukan menurut 'strictly' susunan kedudukan lain

-
2. 'Function' sosial disini dimaksudkan majlis2 atau kegiatan2 kemasyarakatan atau kegiatan2 budaya. Pengertiannya tidaklah sama dengan 'Function' sebagai saku konsep dalam sosioloji.

suku lain waris dan diaturkan ke dalam 'matrilocal residence'³.

b. Susunan kedudukan anak buah dalam 'actual type-construct' sekarang:

Keempat-empat jenis susunan kedudukan anak buah ini masih lagi terjelma akan tetapi sudah terdapat kelonggaran dalam susunannya. Kelonggaran dalam susunan kedudukan anak buah ini melemahkan perhubungan2 'mechanical' atau 'communal' diantara anggota suku dan diantara penduduk2 kampung. Perubahan2 ini adalah 'non-emergent' dan dalam 'structural terms' perubahan2 ini memperlihatkan tendensi memisahkan keluarga asas daripada keluarga besar. Daripada temu-guga2 yang dilakukan dengan Penghulu Naning, ketua2 adat dan orang

3. Goode, W.J. 'The Family', Prentice-Hall of India (Pte) Ltd., New Delhi, 1965, ms. 31.

"If the woman moves to the location of the husband's family, the system is called patrilocal, if he moves to that of her family, the system is matrilocal".

Dalam perbilangan Adat Perpatih, sistem matrilocal ini disebut:

"Orang Semenda bertempat semenda
Tempat semenda nan beradat".

Yakni, orang semenda tinggal di tempat semenda dan tempat semenda itu ialah kawasan suku pengantin perempuan.

tua2 di Solok Ayer Limau dan Durian Daun dalam Mukim Masjid Tanah dan Sungai Baru Ulu, perubahan2 dalam susunan kedudukan anak buah ini berlaku apakala ujudnya empat fenomena baru yang diantara satu sama lainnya mempunyai pertalian yang rapat:

- i. perkembangan ekonomi
- ii. mobiliti
- iii. perkahwinan dalam susunan kedudukan sama suku lain waris
- iv. tipisnya pesaka

4. Perkembangan ekonomi:

Proses perkembangan ekonomi menimbulkan ciri2 baru dalam masyarakat kampung seperti:

- i. ujudnya 'the certificate holding class',⁴ yang disekut ke dalam sistem perindustrian dan juga ke dalam sistem burokrasi (bureaucracy) dalam pemerentahan baru. Golongan ini terdiri dari kaki-tangan kerajaan, guru, dan pekerja2 kemahiran di pusat2 perindustrian dan perbandaman.

4. Mokhzani B. A. R. "The Study of Social Stratification and Mobility in Malaya" University of Malaya, Reprinted for East Asia Cultural Studies, March 1965.

ii. wujudnya 'ecological arrangement'⁵ di mana terdapat mobiliti mendatar dengan luasnya.

iii. wujudnya 'dualism' (yang bersesuaian dengan konsep Boeke⁶ dalam bidang ekonomi. Terdapat dua sector; satunya ialah sector subsistence dan satu lagi ialah sector kapitalis. Sector2 ini tidaklah wujud dalam keadaan yang terpisah. Di Durian Daun, fenomena 'dualism' dalam bidang ekonomi semakin semakin jelas. Aktiviti ekonomi yang lazim dan tradisional ialah pertanian padi yang di-lakukan, sekali dalam setahun. Disamping itu terdapat penyertaan dalam aktiviti ekonomi kewangan seperti:

1. berkedai
2. berniaga secara bersyarikat
3. memandu taksi secara bersendirian atau pun bersyarikat

5. Smelser, N.J., "Mechanism of Change and Adjustment to Change" dalam. "Industrialisation and Society", Edt. Hoselitz & Moore, UNESCO-Mouton, 1966. ms. 32.

"Ecological arrangement" ini ialah satu daripada ciri2 yang saling berkait dalam perkembangan ekonomi. Dalam pengistilahan Smelser, 'Ecological arrangement' ini ialah proses pengaliran tenaga dari "...farm and village towards urban centres" ms. 32.

6. Cyril S. Belshaw, The Traditional Exchange and Modern Markets, Prentice-Hall, 1965 ms. 95.

4. menoris getah

5. mengambil upah sebagai 'odd-jobman'.

ii. Mobiliti :

Mobiliti ini ia-lah satu2-nya akibat proses perkembangan ekonomi. Fenomena ini melemahkan lagi kedudukan anak buah. Mengikut keterangan yang di-peroleh daripada beberapa orang penduduk di-Duriān Daun dan juga di-Solek Ayer Limau, ada terdapat mobiliti yang melemahkan kedudukan anak buah. Mobiliti itu ia-lah:

i. mobiliti individual atau collective

ii. mobiliti mendatar atau menegak.

Sa-lepas Wilayah Naning masuk kedalam pentadbiran Inggeris dalam tahun 1832, sesebuah kampung itu mula menerima orang2 luar yakni orang2 yang bukan dari suku yang satu di-kampung itu. Misal-nya, kampung Solok Ayer Limau asal-nya ia-lah kawasan suku Anak Melaka Paya Dalam. Sekarang di-kampung tersebut sudah ada enam suku⁷. Perkembangan suku2 ini ada-lah memperlihatkan mobiliti mendatar berlaku di-kalangan ahli2 suku lain dalam wilayah Adat Perpatih Naning. Dalam Wilayah Naning sekarang ini, tidak ada sebuah kampung lagi yang merupakan satu kawasan suku yang tertentu.

7. i. Suku Tiga Batu, ii. Anak Melaka Sg. Buluh, iii. Anak Melaka Limau Purut, iv. Anak Melaka Paya Dalam, v. Anak Melaka Kg. Lekok dan vi. Suku Semelenggang.

Mobiliti mendatar yang amat melemahkan kedudukan anak buah dalam wilayah Naning ialah mobiliti mendatar jenis individual. Mobiliti individual ini timbul dari kebebasan dari segi ekonomi, dari itu mobiliti individual menandakan tendensi kepada, "differentiation of the adult's functional position from his point of origin"⁸. Mobiliti mendatar jenis individual berlaku dalam dua chara di-Durian Daun:

- i. kesempatan pekerjaan di-tempat lain
 - ii. semenda menyemenda (perkahwinan).
- i. Kesempatan pekerjaan di-tempat lain

'The certificate holding class' berhijrah ke-pus&t2 perbandaran dan perindustrian kerana tidak ada kesempatan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka di-kampung2. Kechuali kaum guru yang di-tempatkan mengajar di-kampung sendiri. Mereka mendirikan kediaman di-tempat mereka bekerja. Dari segi kedudukan anak buah, maseh ujud lagi perhubungan 'mechanical' dengan keluarga besar akan tetapi perhubungan ini sudah lemah dan hanya terjelma dari segi sosial saja. Dari segi ekonomi, ujud perhubungan 'organised' yang functional kepada pembentokan satu 'household' satu keluarga asas, yang bebas dari segi ekonomi.

8. N.J. Smelser Opcit ms. 40.

ii. Semenda-menyemenda :

Semenda-menyemenda ini boleh berlaku dalam dua chara :

- (a) ahli (suku) lelaki menyemenda dengan orang luar (orang bukan Adat Perpateh)
- (b) ahli (suku) perempuan berkahwin dengan orang luar.

(a) Mengikut adat yang di-adatkan dalam wilayah Perpateh Naning, bila seseorang lelaki hendak mengambil seorang isteri bukan orang Adat Perpateh, bakal isteri itu mesti-lah terlebih dahulu melalui adat istiadat 'berdedim'. Ini ada-lah untok menentukan suku-nya lantas kedudukan anak2-nya nanti. Apa yang berlaku sekarang di-Durian Daun, adat istiadat berkedim ini sudah banyak di-ketepikan. Penulis bertemu dengan tujuh kes di-mana adat istiadat berkedim ini di-ketepikan. Masa perkahwinan masing2 pihak pakai adat sendiri. Kelakuan ini merumitkan dan melemahkan kedudukan anak buah kerana anak2 mereka nanti tidak boleh terkandung dalam mana2 satu kedudukan anak buah. Kedudukan semacam ini mengujutkan perhubungan yang memberikan tendensi kepada pemisahan keluarga asas daripada keluarga besar. Keadaan ini menimbulkan pergeseran adat sekira-nya 'household' itu di-dirikan di-tanah

pesaka yang di-tumpangangi oleh si-lelaki.


(b) Mengikut adat yang di-adatkan dalam Wilayah Adat Perpatih Naning, perkahwinan ada-lah di-atorkan mengikut sistem ('matrilocal' sebagai kata perbilangan Adat:

'Orang semenda bertempat semenda
tempat semenda yang beradat'.

Apa yang lazim berlaku di-Durian Daun sekarang ia-lah apabila seorang lelaki dari adat lain menyemenda kedalam satu2 suku, si-lelaki itu tidak melalui adat istiadat berkedim. Penulis bertemu dengan dua kes di-Durian Daun di-mana si-isteri di-bawa tinggal dalam 'household' keluarga asas si-suami. Ini ia-lah ciri patrilocal. Kebanyakan-nya, si-suami tinggal bersama dengan keluarga si-isteri atau pun tinggal di-household' mereka sendiri. Keadaan ini juga melemahkan kedudukan anak buah walaupun anak2 dari kelamin itu akan terkandung dalam satu2 suku.

Akibat mobiliti dalam kedudukan anak buah jelas kelihatan dari segi penjelmaan perhubungan 'mechanical' apakala ada satu2 'function' kemasyarakatan. Di-Durian Daun perhubungan 'mechanical' ini sudah begitu longgar dalam bidang ekonomi kerana semakin bertambah luas-nya penggunaan wang dalam 'transaction' ekonomi hari2. Akan tetapi bila ada 'function' kemasyarakatan seperti nikah-kahwin, perhubungan mechanical ini maseh ujud tetapi

dalam keadaan yang lebih 'modified' bersesuaian dengan keadaan yang berubah di-kampung tersebut. Dari segi struktur, perhubungan mechanical ini wujud dalam bentuk perhubungan diagonal, perhubungan menegak dan perhubungan mendatar akan tetapi perhubungan mendatar ini tidak lagi semata-mata menjelmakan perhubungan sesama suku bahkan sudah ada penjelmaan perhubungan kepentingan, 'association' dan sa-tempat. Lihat rajah di-bawah :



iii. Perkahwian dalam kedudukan sama suku lain waris

Kedudukan anak buah menjadi bertambah lemah sa-telah berlaku-nya beberapa kes perkahwinan dalam sama suku lain waris. Di-Ayer Limau, penulis bertemu dengan tujuh kes dan di-Durian Daun, ada dua kes di-mana perkahwinan dalam sama suku lain waris telah berlaku. Mengikut keterangan buapak suku2 yang berkenaan, perkahwinan2

itu di-luluskan kerana dua pertimbangan :

1. Si-lelaki atau si-perempuan itu duduk dalam suku 'tompang'. Ini bermakna keturunan sebelah ibu si-lelaki atau perempuan itu asal-nya datang dari luar wilayah Adat Perpateh kemudian 'di-tumpangkan' kedalam satu2 suku.
2. Perhubungan antara si-lelaki dengan si-perempuan itu sah di-kahwinkan menurut syaraq. Ini bermakna perkahwinan itu di-luluskan atas perhubungan waris yang berlainan.

Penulis telah bertemu dengan ketua2 adat dan juga tiga puluh orang lain yang berpengaruh dalam adat untuk meninjau pendapat mereka tentang perkahwinan sama suku lain waris. Di-antara mereka ini, hanya enam orang saja yang menentang perkahwinan ini tetapi yang lain2-nya meluluskan kerana syaraq meluluskan. Dalam hal ini mereka menegaskan kata2 perbilangan adat :

Adat bersendikan syaraq

Syaraq bersendikan kitab-bullah.

Bagaimana pun, perkahwinan2 ini di-lakukan dengan tentangan kuat dari adat sebagaimana terjelma dalam ketidak-hadziran lembaga adat dalam majlis perkahwinaan itu.

iv. Tipis-nya pesaka :

Ini ada-lah akibat yang logik (logical consequence) dari perkembangan mobiliti ekonomi. Di-Mukim Masjid Tanah ada 457 lot tanah di-bawah geran E.M.R.⁹, dan di-antara-nya hanya terdapat 51 lot tanah di-bawah pesaka¹⁰ suku. Yang baki-nya sama ada tanah charian atau tanah pesaka waris.¹¹

Lot Tanah	Pesaka suku	Pesaka waris / charian / belian
457	51	406

Butir2 ini di-ambil dari Buku Daftar Mukim (Entry in the Mukim Registry) Pejabat Daerah Alor Gajah.

Household2 yang terdiri di-tanah charian atau belian bapa melemahkan kedudukan anak buah kerana household2 ini memperlihatkan tendensi kepada keluarga asas yang bebas dari segi ekonomi. Keadaan ini jelas kelihatan di-Mukim Masjid Tanah di-mana penulis mendapat tahu dari seorang bekas buapak suku Anak Melaka Paya Dalam bahwa suku itu tidak mempunyai buapak sekarang. Sebab-nya ia-lah anak2 buah suku ini lebih suka memakai kediam.¹² bila

9. Lihat keterangan lanjut dalam bab III.

10. Lihat keterangan lanjut dalam bab III.

11. _____ sama _____

12. Kedim ia-lah i) mother's brother, ii) mother's mother's brother dan iii) mother's sister's son.

membuat nikah-kahwin. Ini sa-benar-nya menjelmakan kelonggaran kedudukan anak buah dalam suku itu. Keadaan ini juga terdapat di-Durian Daun di-mana dalam membuat nikah-kahwin, buapak sudah selalu di-tinggalkan. Baru2 ini penulis menyaksi satu perkahwinan yang di-jalankan tanpa memakai Redim dan buapak. Kes ini berlaku di-Alor Gajah. Keluarga asas itu terdiri di-tanah charian. Segala urusan di-jalankan oleh kepala keluarga asas itu. Anak perempuan-nya di-kahwinkan dengan seorang bukan dalam Adat Perpateh Naning dan sebelum perkahwinan, tidak pula di-lakukan adat istiadat 'kuasa Kedim'. Kepala keluarga asas ini ia-lah seorang guru, anak-nya yang kahwin itu juga seorang guru. Dari segi istilah struktur keluarga tersebut telah menjelmakan unsur2 kuat dalam perhubungan 'bilateral'.

Kesimpulan yang dapat di-lihat dari perubahan2 dalam kedudukan anak buah ia-lah:

- i) di-mana perkembangan ekonomi meluas dan diikuti pula dengan meluas-nya mobiliti terutama mobiliti individual, terdapat tendensi kepada pemisahan keluarga asas daripada keluarga besar.
- ii) Di-mana household terletak di-tanah charian, di-tambah pula dengan kejayaan dalam mobiliti menegak, terdapat gjud-nya tendensi ke-arah

'bilateral' dalam perhubungan anak dalam perhubungan kekeluargaan.

- iii) Dari segi ekonomi, kedudukan anak buah tidak lagi menjelmakan perhubungan 'mechanical' atau 'communal'; perhubungan 'mechanical' ini dalam keadaan yang agak longgar hanya terjelma dalam majlis2 kemasyarakatan (social functions).

2. Ketua Adat:


a. Susunan tradisional

Dalam konteks kemasyarakatan tradisional di-mana satu kawasan kediaman merupakan satu kawasan suku, susunan ketua adat dalam wilayah Naning amat jelas. Dalam struktur ideal-nya, terdapat susunan seperti rajah di-bawah :



Rajah VIII

Di-peringkat kampung, terdapat susunan seperti rajah IX
di-bawah :



Penghulu Adat bagi satu2 suku.
Juga di-kenali sebagai Lembaga Adat.

Ibu-bapa (buapak) mengikut Perut.

Kedim mengikut keluarga asas.

Rajah IX

Jelas sekali susunan kedudukan ketua adat di-bayangkan
dengan teliti-nya dalam kunchi adat :

"Alam nan beraja, luak berpenghulu,

Suku bertua, anak buah beribu-bapa

Orang semenda nan bertempat

Tempat semenda nan teradat

Orang semenda nan beradat"

b. Kedudukan ketua adat selepas kedatangan Inggeris:

Tadbiran kolonial Inggeris di-jalankan atas lunas
burokrasi. Tadbiran itu di-jalankan dalam tiga peringkat
ia itu :

a. peringkat negeri

b. peringkat daerah

c. peringkat mukim.


Di-Negeri Melaka terdapat tiga daerah iaitu Daerah Melaka Tengah, Daerah Jasin dan Daerah Alor Gajah. Wilayah Adat Perpateh Naning termasuk kedalam Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin. Pentadbiran di-peringkat daerah di-jalankan oleh seorang Pegawai Daerah. Ujud-nya pejabat daerah meluchutkan kuasa executive pada Penghulu Naning. Kampong2 dalam wilayah Naning 'disuperimposekan' kedalam mukim2. Dalam Daerah Alor Gajah ada 22 buah mukim dalam lingkungan Adat Perpateh Naning. Mukim2 ini di-bahagikan kepada 6 kawasan yang tiap2 satu-nya di-pegang oleh seorang penghulu mukim yang menjadi penyambung antara penduduk2 di-mukim2 ini dengan Pegawai Daerah terutama-nya dalam urusan tanah. Penubuhan mukim2 dan perlantekan penghulu mukim dalam struktur birokrasi tadbiran kolonial Inggeris melemahkan kedudukan ketua adat. Penghulu2 Mukim menggantikan penghulu adat. Mengikut keterangan Penghulu Naning¹³ pembasmian kedudukan penghulu adat berlaku dalam tahun 1954 dalam mesuarat perundangan Negeri Melaka. Yang menjadi penyambung antara penghulu dengan penduduk2 satu2 kampong dalam mukim ia-lah sidang. Di-Alor Gajah, seorang

13. Penghulu Naning - Mato Mohd Shah, Orang Kaya Seri Maharaja Merah.

Di-Alor Gajah, seorang sidang itu bukan-lah anggota burokrasi; hanya ia menerima elaun tahunan daripada pejabat daerah. Di-kampung2 dalam wilayah Adat Perpateh Naning, sidang ini merupakan seorang lembaga adat bagi suku yang terbesar di-kampung itu dan juga sebagai 'pembantu penghulu'¹⁴ dalam urusan2 tanah di-kampung itu. Di-Durian Daun, terdapat dua orang sidang yang merupakan lembaga adat suku Anak Melaka Sungai Buluh dan Semelenggang.

Tadbiran kolonial Inggeris membawa unsur 'dualism' dalam bidang politik. Dalam sistem tradisional, ada ketua2 adat seperti Penghulu Naning, lembaga (sidang) dan buapak dan dalam pentadbiran burokrasi, ujud ketua2 baru seperti Pegawai Daerah, Penghulu dan Sidang. Kalau kita lihat dalam 'dualism' ini, dari segi kekuasaan, kekuasaan sa-benar-nya terletak pada sistem burokrasi. Lihat rajah X (muka surat 50) yang menunjukkan unsur 'dualism' dalam pemerentahan sekarang seperti terdapat

14. Jawatan sidang ini, saya rasa, ada-lah 'instrumental' kepada pegawai burokrasi di-peringkat mukim (penghulu) untok dapat membereskan urusan tanah di-mana adat menjadi penghalang. Penghulu mukim tidak boleh membabitkan diri-nya dengan adat akan tetapi sebagai 'pembantu' yang functional dalam hal2 adat.



Rajah X

"Dualism" dalam pemerintahan berdasarkan Sistem Birokrasi. Kekuasaan Legal pada sistem birokrasi. Gambaran ini diperhatikan diperingkat daerah.

di-Alor Gajah, Melaka.

Penghulu penulis hari2 di-kampong Durian Daun menunjukkan perhubungan anak buah atau penduduk2 kampong dengan sidang terjalin bila timbul perkara2 yang ada kait-mengait dengan pejabat daerah saperti dalam hal2 pembahagian tanah atau pun 'umpukan harta'.¹⁵ Kedudukan-nya sebagai lembaga adat sering dicabar oleh anak2 buah-nya. Penulis perhatikan dalam 'berkampong'¹⁶ untuk melangsungkan perkahwinan atau untuk menyelesaikan pertelingkahan anak buah, ketua adat yang di-pentingkan ia-lah kediam dan buapak. Perubahan sikap ini penting bila membicarakan tentang tadbiran adat tentang pembahagian harta.¹⁷

-
15. 'Umpukan harta' dalam istilah adat bererti menurunkan harta atau menentukan bahagian harta mengikut persetujuan adek beradek dan kedim. Seseorang yang memperoleh 'umpuk-nya' berkuasa di-tempat itu sepanjang umur-nya dan nama-nya di-daftarkan dalam buku Daftar Mukim di-Pejabat Daerah. (E.M.R.)
 16. 'Berkampong' ia-lah istilah dalam adat, bererti meshuarat antara anak buah dengan ketua 'adat' untuk membicarakan perkara2 yang bersangkutan paut dengan adat.
 17. Lihat penerangan selanjut-nya dalam Bab V.

Kesimpulan tentang perubahan susunan kedudukan ketua adat akibat dari 'impact' tadbiran kolonial Inggeris ia-lah :

- (i) Di-mana pesaka kuat yakni di-mana household² terdiri di-tanah pesaka dan kehidupan household itu bertumpuan pada tanah pesaka, ketua adat seperti buapak dan kedim memenuhi fungsi sebagai kepala keluarga besar. Sebalik-nya di-mana pesaka semakin tipis yakni household² sebagai keluarga asas terdiri di-tanah charian dan bebas dari segi ekonomi perhubungan ketua adat dengan anak buah-nya semakin lemah.
- (ii) Dalam urusan tanah pesaka, ketua adat memainkan peranan untuk membereskan masalaah² yang timbul mengikut lunas² perbilangan adat. Dalam hal ini pun, kekuasaan ketua² adat ini ada-lah simbolik kerana kekuasaan sa-benar-nya terletak pada pejabat daerah.¹⁸

3. Susunan keluarga dan kekeluargaan :

a. Struktur keluarga tradisional :

Dalam konteks masyarakat tradisional, struktur keluarga menjelmakan perhubungan suku dan waris dalam dua

18. Lihat penerangan selanjut-nya dalam Bab V.

peringkat :

- a. perhubungan perut ibu.
- b. perhubungan perkahwinan yang menjelmakan perhubungan waris.

Dalam Adat Perpatih Naning, sesebuah keluarga itu mengandungi ahli2 dari satu perut ibu dalam satu2 suku. Keluarga ini boleh merupakan beberapa household yang terdiri pada tanah pesaka. Yang berkuasa dalam perhubungan kekeluargaan dalam bidang ekonomi, sosial dan politik ia-lah buapak dan kediah2. Perhubungan anak dengan bapa ada-lah perhubungan waris yang memberikan fungsi wali kepada bapa dalam household itu. Household2 yang terkandung dalam satu keluarga itu menjalankan perhubungan perut. Orang2 semenda dalam keluarga itu ada-lah di-bawah kekuasaan tempat semenda seperti perbilangan adat :

"Orang semenda bertempat semenda

Tempat semenda nan beradat

Orang semenda di-suruh pergi."

Dalam keadaan tradisional, struktur keluarga ini menjelmakan dua jenis perhubungan kekeluargaan yang jelas ia itu perhubungan menegak dan perhubungan diagonal. Struktur keluarga tradisional mengujudkan susunan kedudukan anak buah yang utuh. Daripada susunan kedudukan anak buah

yang utuh ini terdapat-lah perhubungan2 yang menyediakan asas untuk perpaduan 'mechanical' atau 'communal labour'. Dalam keadaan tradisional, 'communal labour' ini wujud kerana satu2 kawasan kediaman itu merupakan satu kawasan yang seragam (homogenous) dari segi suku dan aktiviti pertanian : maka keluarga besar memenuhi fungsi sebagai satu unit sosial, ekonomi dan politik.

b. Perubahan struktur keluarga dan kekeluargaan selepas kedatangan Inggeris :

Perubahan dalam susunan kedudukan anak buah telah melemahkan perhubungan communal serta melonggarkan sistem kekeluargaan tradisional. Dalam aktiviti2 ekonomi dan aktiviti2 keluarga, telah wujud tendensi kepada pemisahan keluarga asas daripada keluarga besar. Satu2 household yang terdiri di-tanah charian merupakan satu keluarga asas yang bebas dari segi ekonomi dari ikatan kekeluargaan besar. Dalam aktiviti kemasyarakatan seperti nikah-kahwin, perhubungan kekeluargaan masih lagi kuat di-mana household2 itu terdiri di-tanah pesaka dan di-mana tanah pesaka merupakan merupakan sumber ekonomi kepada household2 itu.

Perubahan struktur keluarga tradisional dalam wilayah Adat Perpatih Nanning ada-lah bergantung sejauh mana perkembangan ekonomi moden merupakan faktor perubahan

dalam sikap dan idiologi hidup di-satu2 tempat itu. Di-mana perkembangan ekonomi mengakibatkan mobiliti dengan luas-nya dan fenomena 'ecological arrangement', dari segi ekonomi dalam aktibiti keluarga terdapat pemisahan struktur¹⁹ ---- idiologi keluarga besar menjadi lemah. Idiologi keluarga asas semakin popular di-tempat2 di-mana mobiliti berkembang dengan luas-nya. Mobiliti mendatar dan individual melonggarkan kedudukan anak buah dan pengharapan kepada 'inter-generational mobility'²⁰ melemahkan sekali sistem kekeluargaan traditional. Penulis bertemu dengan satu kes di-mana pengharapan kepada 'inter-generational mobility' telah mendorong sebuah keluarga mencapai mobiliti menegak. Keluarga tersebut mula2-nya ialah satu household terdiri di-tanah pesaka. Si-suami bekerja sebagai guru di-sekolah Melayu. Kemudian ia membeli tanah dan mendirikan household-nya di-situ. Anak2-nya di-hantar ke-sekolah seramai lima orang.

Anak-nya yang tertua telah lulus dari Universiti

-
19. Beresuaian dengan konsep N.J. Smelser dalam "Mechanisms of Change and Adjustment to Change" dlm. Industrialisation & Society, Unesco-Mouton 1966 ms. 35.
 20. Beresuaian dengan konsep Wilbert E. Moore dalam Industrialisation & Social Change dalam Industrialisation & Society. Ed. Holzelitz & Moors W.E., Unesco-Mouton, 1966. ms. 338.

Malaya dan sekarang menjadi pegawai M.C.S. (Perkhidmatan Awam). Seorang anak perempuan-nya menjadi guru lulusan dari Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Anak-nya ini berkahwin dengan seorang lulusan Universiti, sekarang bertugas sebagai Ketua Pegawai Pelajaran. Seorang lagi anak lelaki-nya sedang menuntut di-England untuk mengikuti kursus kejuruteraan. Anak2-nya yang lain masih lagi menuntut di-sekolah menengah Inggeris. Dari segi ekonomi, keluarga tersebut bebas. Masa perkahwinan anak perempuan-nya keluarga ini tidak meninggalkan kedim dan buapak.

Kes ini jelas menunjukkan walau pun satu2 household itu sudah mencapai kebebasan ekonomi dan berstatus keluarga asas, household itu masih lagi terikat dalam perhubungan keluarga besar akan tetapi ikatan itu sudah semakin lemah. Perhubungan keluarga besar hanya wujud dalam bidang sosial.

Kesimpulan tentang perubahan dalam susunan keluarga dan kekeluargaan dalam wilayah adat Perpatih Naning ia-lah :

- i. Dari segi ekonomi, satu2 household dalam keluarga besar merupakan satu keluarga asas yang bebas dari keluarga besar.
- ii. Dari segi sosial terutama-nya dalam majlis2 dan kegiatan2 masyarakat dan budaya, perhubungan kekeluargaan masih wujud tetapi ikatan kekeluargaan sudah semakin lemah.

- iii. Di-mana terdapat penumpuan household dalam keluarga besar di-kawasan tanah pesaka yang kecil, terdapat perhubungan keluarga besar dalam keadaan sama ada 'co-operative' atau 'conflicting'.

4. Kesimpulan:

Daripada perubahan2 dalam kedudukan anak buah, kedudukan ketua dan susunan keluarga dan kekeluargaan, terdapat beberapa gejala perubahan dalam wilayah Adat Perpatih Naning. Chiri2 perubahan itu ia-lah :

- i. ada pemisahan keluarga asas daripada keluarga besar.
- ii. ada mobiliti di-kalangan penduduk2 kampung dan mobiliti ini melemahkan susunan keluarga besar, kedudukan anak buah dan kedudukan ketua adat.
- iii. Kedudukan ketua2 adat dari segi kekuasaan ada-lah simbolik. Kekuasaan sebenar-nya terletak pada pejabat daerah dalam urusan2 tanah, walaupun tanah itu tanah pesaka. Ketua2 adat tidak lagi mempunyai kuasa2 'executive'.
- iv. Dari segi sosial terutama-nya dalam majlis2 dan kegiatan2 masyarakat dan budaya, perhubungan

kekeluargaan terjalin dalam tiga jenis per-
hubungan --- i.e. mendatar, menegak, diagonal
---- masih ujud tetapi dalam keadaan yang
longgar.

- v. Akibat dari perkembangan ekonomi meluas-nya
mobiliti dan perkahwinan dengan orang luar menimbulkan fenome
menimbulkan fenomena baru di-mana terdapat
tendensi kepada perhubungan bilateral dan sistem
patrilocal atau pun neolocal.

Ciri2 perubahan ini penting kerana ini ada-lah
membayangkan perubahan nilai dan sikap penduduk2 dalam
wilayah Naning. Sejauh mana adat memenuhi fungsi dalam
tadbir-nya keatas sistem tanah di-Naning ada-lah bergantung
sejauh mana nilai dan sikap penduduk2 dalam wilayah Naning
telah berubah.

Lampiran I

ALOR GAJAH - RULING BOOK

CUSTOMARY LANDS - DISTRIBUTION THEREOF ON DEATH

Section II (I) of Cap. 125 provides that on death of Customary Land holder being a Mohammadan, his customary land shall not rest in his legal personal representative not in any legatee under his will but shall descend upon the persons who according to Mohammadan law as varied by local customs, if any, would be entitled to the same in the shares and proportions of the said law so varied as aforesaid. Local customs observed in this District, are Adat Perpatih and Adat Temenggong. Sphere of operation of each is as follows:

In Perpatih Area, there are four types of landed property :

- (i) Carian - (Land acquired through married life of husband and wife)
- (ii) Pendapatan - (Land already in possession of a female before marriage)
- (iii) Pembawaan - (Land already in possession of a male before a marriage and/or acquired by inheritance during married life)

(ii)

- (iv) Pesaka - (Land held in 'trust' by one suku. Disposal of this type of land to persons outside suku (clan) is prohibited. Property descends on female issues only)

For (i) , (ii) and (iii) adat saying, "Uari bagi, (pr Carian) , Prndapatan tinggal, pembawaan kembali" applies.

(Cari or carian) bagi (divided) ---- This is applicable in case of divorce only. (If separation is by death, the saying, "Mati bini tinggal laki, mati laki tinggal bini, mati laki mati bini, tinggal anak." is applicable. Literal translation is on death of wife (it) is to husband, on death of husband and wife (it) is to offspring.

"Pendapatan tinggal" (remains) ---- Contrary to carian, no change of ownership takes place under any circumstance death or divorce.

For example:

A (male) marries B who is in possession of a piece of land. If B dies, land is retained by her waris; surviving husband does not receive any portion of property. Position is unaltered even in case of divorce.

"Pembawaan kembali" (reverts)----- This is opposite

of pendapatan.

For Example :

A (male) before his marriage to B was already in possession of a piece of land. ---- On his marriage this land is referred to as "pembawaan". If A dies, land is inherited by his waris. In case of divorce, land remains property of A ---- widow has no right of claim.

"WPesaka" (Land held in trust). Land so classified descends on female issues only or in absence of any is inherited by nearest female relatives, male issues may also inherit but for life time only, His widow or offspring has no right of claim on property on his death.

In Temenggung Area, distribution is much simpler. Death of land owning husband will entitle widow $\frac{1}{2}$ share of property and his issues other half. In absence of issues, share is inherited by husband's ~~and~~ waris and position position vice versa in case of death of a landowning wife ,

Lampiran II

**THE LAWS OF THE FEDERATED MALAY STATES AND
OF EACH OF THEM**

Revised Edition Printed by C.F. Roworth
Limited, London, 1935.

by

WILLIAM SIMNER GIBSON, C.M.G.

Cap. 215 : Customary Tenure¹

1. This Enactment may be cited as the Customary Tenure Enactment.
2. In this Enactment:
"Custom" shall mean the Customary Land Law of Malays resident in the district of Kuala Pilah, Tampin, Rembau and Jelebu, who are members of the tribes mentioned in Schedule B.

SCHEDULE B

List of Tribes

- | | |
|------------------------------------|------------------|
| 1. Biduanda (Waris and/ or Dagang) | 7. Tiga Batu |
| 2. Batu Hampar | 8. Tiga Nenek |
| 3. Sri Melenggang | 9. Paiah Kumboh |
| 4. Tanah Datar | 10. Anak Melaka |
| 5. Sri Lemak | 11. Anak Acih |
| 6. Mungkal | 12. Batu Belang. |

1. "The Laws of the Federated Malay States and of Each of Them" Revised Edition Printed by C.F. Roworth Ltd., London, 1935, by William Simner Gibson, C.M.G.

"Customary Land" shall mean land held by any entry in the mukim register which has been endorsed under the provisions of sub-section (i) and (ii) of Section 4 of this Enactment or under section 2 of "The Customary Tenure Enactment, 1909".

"Customary estate" shall mean and include customary land and charges and leases of customary land, which are registered in the name of a deceased person.

"Customary heir" shall mean the person who is in accordance with the custom entitled to be registered as owner of the customary estate of a deceased person.

"Maternal" when used in connection with brothers or sisters means born of the same mother but not necessarily by the same father.

"Lembaga" includes any person appointed to act as lembaga under the provisions of Section 2A.

"Principal Chief" includes the Tengku Besar Tampin, and the Penghulus, Ulu Muar, Terachi, Jempol, Gunong Pasir, Gemencheh, and Inas.

3. (i)

Male Registered owners
of Customary Land: Tem-
porary provisions:

In any case where prior to
the coming into force of
this Enactment any male shall

have been registered as owner of any land, the title

for which shall have been endorsed as customary land under the provisions of "The Customary Tenure Enactment" 1909, such male registered owner may make Application to the Collector, within the period of one year from the date of coming into force of this Enactment, or within such further period as the Resident may in special cases allow, for the cancellation of such endorsement on the ground that it was in error or was made contrary to the custom.

(iv) from and after the commencement of this Enactment and subject to the provisions of this section the customary heir of a deceased male registered owner of customary land shall be his nearest female relative who is also a member of his tribe.

4. Record of Customary If he (the collector) be satisfied that such land is occupied subject to the custom and that it is registered in the name of a female member of one of the tribes included in the schedule B the collector shall add to the entry in the mukim register the words "Customary Land" and authenticate them by his signature; and the addition of such words so authenticated to any entry in the mukim register shall, subject to the result of any appeal to the Ruler in

Council under Section 15, be conclusive proof that the land to which such entry relates is occupied subject to the custom.

If the Collector is not satisfied that such land is occupied subject to the custom, he shall record his decision to that effect and such decision shall, subject to the result of any appeal to the Ruler in Council under Section 15, be conclusive proof that the land to which the entry relates is not occupied subject to the custom.

(iv) Where any entry in the mukim register has been endorsed by the Collector under sub-sections (i) or (ii) the land to which such entry relates shall be deemed to be subject to the custom with effect from the date of such endorsement, notwithstanding the fact that no action has been taken under sub-section (ii) and (iv).

5. Maintenance of Subject to the provisions of this
the custom : Enactment no customary land or any
interest therein shall be transferred, charged, trans-
mitted or otherwise dealt with except in accordance
with the custom. Provided that nothing in this Enact-
ment shall prevent the surrender to the State of any
customary land by the registered owner thereof for the
construction of roads or public ways or the demarcation

of road reserves or for public purposes.

6. Prohibition of Grant: No grant shall be issued for any customary land.
7. Limited right of dealing: (i) No customary land or any interest shall be transferred or leased to any person other than a female member of one of the tribes included in Schedule B.
- (ii) Subject to the provisions of this section customary land shall not be charged except to
- a) a female member of one of the tribes included in Schedule B.
 - b) The collector of the district wherein the same is situate;
- (iii) Customary land shall not be charged to a Co-operative Society unless
- a) Such society habitually carries on business in the district where in such land is situate
 - b) The society has been generally authorised by the Registrar of Co-operative Societies with the consent of the Collector of the district where in such land is situate to hold charges over customary land.
- (iv) No Customary land or any interest therein shall be transferred, charged or leased except with the assent of the Lembaga of the tribe of the registered

(ix)

owner thereof and unless such notice, in writing or otherwise, of the intention to transfer, charge or lease as the Collector may deem sufficient, shall have been published for a period of not less than one month immediately preceeding of such transfer or charge or lease.

(v) No instrument of transfer or charge or lease of customary land or of any interest therein shall be valid unless:-

- a) the same be executed in the presence of such lembaga as aforesaid and of the Collector; and
- b) the execution thereof by the parties and the assent the reto of such lembaga be evidenced by the certificate of the Collector upon the face of the instrument that such execution and assent were made and given in his presence; and
- c) such instrument be in conformity with the requirements of any Rule made under Section 24 for the regulation of such instruments.

8. Execution sales, (i) In the case of a sale of
charge sales and customary land or any interest
sales for arrears therein, whether bu Order of Court
of rent: or in, ^{accordance} ~~accordance~~ with the provisions
provisions

of Land Code, the following provisions ~~withixix~~ shall apply notwithstanding anything in any other Enactment

contained:

- a) They shall in the first instance be confined to the female members of the tribe of the judgement-debtor, chargor or defaulter as the case may be.
- b) If no bids are forthcoming from the female members of the tribe of the judgement-debtor, chargor or defaulter the sale shall be postponed and at the postponed sale all female members of the tribe included in Schedule B shall be entitled to bid.
- c) Save as herein before provided and subject to the provisions of sub-section (ii) and (iii) no persons shall be entitled to bid.

9. Claim to (i) Any person asserting that she
Registration is ~~not~~entitled otherwise that by right
as owner: of succession to a deceased owner,
to be registered as the owner of any customary land
may, whether such land shall have been alienated to
any other person or not, apply to the Collector to
record her as such in the register of mukim in which
the land is situate. The Collector shall thereupon
cause a notice of such application substantially in
the form of Schedule C, to be served on the occupier
(if any) of such land and also to be published locally

in the district and posted on the land for a period of thirty days and shall make such enquiry as may be necessary.

(ii) If after such notice and enquiry the Collector is of opinion that such application ought to be granted or in the course of such enquiry it shall be proved to his satisfaction that some person other than the applicant is entitled to be registered as the owner of such land, in either cases, he shall make an order substantially in the Form of Schedule D, in accordance with his decision and shall there upon make any necessary entry in the mukim register.

10. Claims to registration (i) Any person claiming by right of succession: to the ownership of a customary estate which is registered in the name of the deceased person may apply to the Collector to record her in the mukim register as owner of the customary estate so claimed. The Collector shall thereupon cause a notice of such application substantially in the Form of Schedule E, to be served on the occupier (if any) of the land affected and also to be published locally in the district and posted on such land for a period of thirty days and

shall make such enquiry as may be necessary.

(ii) If after such notice and enquiry the Collector of opinion that such application ought to be granted, or if in the course of such enquiry, it shall be proved to his satisfaction that some person other than the applicant is entitled to succeed to the ownership of such customary estate, then in either case, he shall make an order, substantially in the Form of Schedule F, in accordance with his decision and shall thereupon make any necessary entry in the mukim register.

(iv) If in the course of any enquiry under this section it shall appear to the Controller that any minor would but for the disability of minority be entitled to be registered as owner of any customary land the Collector may appoint any fit and proper person to be trustee for the said minor and shall register such person as owner of such estate as trustee and shall at the same time lodge a caveat against the title for the land affected to protect the interests of the said minor. The Collector may at any time, on good cause being shown revoke the appointment of a trustee under this section and appoint a new trustee.

12. Provision for (i) If in the case of application life Occupancy: under section 10 it shall appear to the Collector that the deceased has left:

a) a female customary heir and a lawful son but no female issue or

b) a female customary heir and a lawful maternal brother but no issue or maternal sister,

it shall be competent for the Collector, in so far only as the customary land owned by the deceased is concerned, to order the transmission of the land to such customary heir subject to beneficial occupancy by and for the life of such lawful son or maternal brother, as the case may be, provided that where more than one person is entitled to such life-occupancy, the occupancy shall be a joint occupancy with survivorship.

(iii) The registered owner and the life occupant of the land subject to life occupancy shall be jointly and severally liable for the rent due to the State in respect of such land but so that as between the registered owner and the life occupant, the rent shall be payable by the life-occupant.

(iv) The interest of a life-occupant under this section shall not be capable of being attached or sold in execution of a decree.

13. Failure of (i) If any person shall die customary heirs: and leave a customary estate and it shall appear to the collector that the deceased has left

- a) a lawful son but no customary heir
- b) a lawful maternal brother but no customary heir or lawful son
- c) no customary heir or lawful son or maternal brother

it shall be lawful for the Collector after such enquiry as he may deem fit, either of his own or on the application of such lawful son or brother, to direct by order under his hand that such customary estate be auctioned on such date being not less than one month from the date of such order as may be specified on such order.

(iii) The net proceeds of sale shall be paid to:

- a) In the case mentioned in sub-section (i) (a) hereof to the lawful son or sons of the deceased.
- b) In the case mentioned in sub-section (i)(b) hereof to the lawful maternal brother or brothers of the deceased.

(iv) In any other case such net proceeds of sale shall be paid into the District Treasury to the credit of the fund ref: to as the "Muhammadan Religious Fund".

25. Nothing in this Enactment contained shall affect the distribution of the estate, not being customary estate, of any deceased person.

Lampiran III

UNIVERSITY MALAYA TAHUN III 1968/1969

questionnaires

Untuk Thesis "PENTADBIRAN ADAT KEATAS SISTEM TANAH DI NANING"
Untuk keperluan mendapatkan ijazah B.A. (U.M.)

1. Nama Suku
2. Tarikh Lahir Tempat asal
3. Kelayakan: a) Sekolah tertinggi
b) Lulus
c) Boleh bertutur (i) B. Melayu (ii) B. Inggeris
d) Boleh menulis dalam (i) B. Melayu (ii) Bahasa Inggeris
4. Pekerjaan Pendapatan
5. Sudah berkahwin/Masih bujang.
6. Kalau sudah berkahwin, isteri tuan ialah
i) Kelayakannya
ii) Pekerjaannya
iii) Umurnya
7. Anggota2 dalam keluarga asas Tuan: Lelaki Per. ...
Anak Sekolah Umur

Anak:

Pekerjaan/Pendapatan

8. Adakah tuan mempunyai tanah sebelum kahwin? Ya/Tidak

Kalau ada, Tanah itu ialah: Ya/Tidak

- i) Harta belian Luasnya Localitinya
- ii) Harta pemberian Luasnya Localitinya
- iii) " pesaka waris 2 "
- Jumlah semuanya Pendaftaran

9. Adakah tuan memperoleh harta sesudah kahwin? Ya/Tidak.

- Harta itu (i) dapatan Luasnya
- (ii) pembawa "
- (iii) carian "
- (iv) pesaka suku "
- (v) pesaka waris "

Jumlah semuanya Pendaftaran

Keterangan lanjut:

Jenis Geran:

10. Adakah isteri tuan mempunyai tanah? Ya/Tidak.

- Harta itu (i) carian Luasnya
- (ii) pembawa "
- (iii) pesaka suku "
- (iv) pesaka waris "
- (v) suku isteri tuan".....

11. Jumlah luasnya tanah yang punya kuasa penuh.

Luasnya Di kawasan

.....

12. Adakah tuan menjual tanah tuan? Ya/Tidak.

Luasnya

Kepada

Sebabnya

13. Adakah tuan menggadai tanah tuan? Ya/Tidak.

Harta carian

Harta pembawa

Harta dapatan

Harta pesaka suku

Harta pesaka waris

14. Rumah tuan terdiri di tanah pesaka suku/pesaka waris/
pembawa/dapatan.

Luasnya kawasan itu

15. Dimanakah anak2 tuan yang sudah berkahwin mendirikan
rumah tangga/tinggal?

Mengikut isteri/mengikut suami

Di tanah carian/pembawa/dapatan/pesaka suku/pesaka
waris.

Luasnya tanah itu

16. Bagaimana tuan bercadang membahagikan harta kepada
anak2 tuan? a) Wasiat b) Adat.

Sebabnya:

17. Adakah tuan bercadang mendaftarkan tanah carian/pem-
bawa/pesaka suku waris kedalam pendaftaran Geran E.M.R.
suku? Ya/Tidak.

Sebabnya:

.....

18. Pada fikiran tuan, penurunan harta menurut buatan adat adalah sesuai/tidak sesuai/mesti dipertimbangkan dulu kedudukan ekonomi anak yang patut menerimanya

Sebabnya

19. Kalau orang semenda tuan hendak menggadai sekeping tanah pesaka waris/suku ahlinya, adakah tuan membenarkan? Benarkan/Tidak benarkan.

Sebabnya:

20. Kalaupun tuan mempunyai tanah belian bujang, adakah tuan bercadang menurunkan harta itu, selepas kahwin, kepada

i) waris tuan ii) Anak2 tuan iii) isteri tuan

Sebabnya:

21. Adakah tuan membenarkan perkahwinan sama suku lain waris?

Nama:

Suku:

Jawatan:

Penyertaan dalam bidang ekonomi:

Isteri:

Suku:

H. Carian bujang

H. Pembawa

H. Dapatan

H. Carian

H. Pesaka Waris

H. Pesaka Suku


JUMLAH

- A. Faktor2 yang memungkinkan Tuan menambah harta/
Faktor2 yang tidak memungkinkan Tuan menambah harta.

- B. Faktor2 menyebabkan tuan menggadaikan/menjual harta.

Jenis harta

- C. Kalau tuan atau isteri tuan memperoleh harta pesaka, bagaimana caranya.



MUKIM MASJID TANAH. DAN SUNGAI BARU ULU.
KAWASAN KAJIAN.

Bibliography

1. Abas bin Hj. Ali "Rembau, Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadat" Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu Rembau, 1953.
2. Beattie, J. "Other Cultures, Aims, Methods and Achievements in Social Anthropology." Routledge & Kegan Paul Ltd. (London) 1964.
3. Belshaw, C.S. "The Traditional Exchange and Modern Markets" Prentice Hall, 1965.
4. Bottomore, T.B. "Sociology, A Guide to Problems and Literature" George Allen & Unwin, 1962.
5. Buyung Adil "Sejarah Alam Melayu V" Department of Education, 1949.
6. Firth, R. "Element of Social Organisation" Watts & Co. London, 1963.
7. Fisk, E.M. "Studies in the Rural Economy of South East Asia". University of London Press Ltd. 1964.
8. Goode, W.J. "The Family", Prentice-Hall of India (Pte) Ltd., New Delhi, 1965.
9. Hoselitz, B.F. & Moore, W.E. (Eds) "Industrialisation and Society" UNESCO, Mouton, 1966.
10. Malinowski, B. "A Scientific Theory of Culture And Other Essays" Oxford University Press (New York).
11. Max Weber "The Theory of Social and Economic Organisation" Ed. Talcott Parsons, Free Press, 1966.
12. Mokhzani, B.A.R. "The Study of Social Stratification and Mobility in Malaya" University of Malaya. Reprinted for East Asia Cultural Studies, March, 1965.
13. Moore, E.M. "Social Change" Prentice-Hall of India (Pte) Ltd. New Delhi, 1965.

14. Newbold "British Settlement in Malacca"
 Vol. II.
15. P.E. de Josselin "Minangkabau and Negri Sembilan,
 de Jonge Socio-Political Structure in
 Indonesia" Bhrata, 1960.
16. Radcliffe-Brown, "Structure and Function in Primitive
 A.R. Society" Loise and Brudone (Printers)
 Ltd. London, 1964.
17. S. Husin Ali "Patterns of Rural Leadership in
 Malaya" Report of Research carried
 out under the sponsorship of
 UNESCO Research Centre, University
 Enclaven Delhi - 7, India.
18. Shahba Pesaka Naning", Sentosa Store,
 Kuala Pilah, 1957.
19. Swift, M.G. "Malay Peasant Society in Jelebu"
 The Athlone Press, 1965.
20. William Simner "The Laws of the Federated Malay
 Gibson, C.M.G. States and Each of Them"
 Revised Edition Printed by C.F.
 Reworth Ltd. London, 1953.
21. Zainal Kling "Sistem Penghulu Di Daerah Alor
 Gajah Melaka" Latihan Ilmiah 1966,
 Jabatan Pengajian Melayu, Universiti
 Malaya, Kuala Lumpur.

+++++

Disember, 1968.
Petaling Jaya.

Mohd. ~~Dahlan~~ Dahlan Hj.
Aman.

telah disalin semula oleh

NORHALIM BIN IBRAHIM,
Kampong Mulia,
Rembau, N. S.

dalam bulan Disember 1970.